

6



Penerimaan Sumbangan Hasil  
Kutipan SMS Bagi Tabung Dana  
Pembinaan Masjid

10



Mendirikan Tiang Masjid  
Baharu RPN Kampong  
Lumut



## BERITA UTAMA

## TADARUS AL-QUR'AN MULA BERGEMA DI SELURUH NEGARA

&gt;&gt;3

# muslimin

## MUSLIMIN

Surat Berita Hal Ehwal Ugama



Keluaran: Kementerian Hal Ehwal Ugama  
Terbitan: Pusat Da'wah Islamiyah

**MAC**  
**2023M**  
Sya'ban - Ramadhan 1444H  
Tahun 35 • Bil 3

16

## INFO PENGISLAMAN

Keramaian Orang yang Memeluk Ugama Islam  
di Seluruh Negara Tahun 2023

Bagi Bulan  
**MAC**  
**39**  
Orang

- 1 Semarak Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39 Anjuran KHEU
- 2 Pelantikan Tauliah kepada Amil-amil di Seluruh Negara
- 3 Kurma Kurnia Peribadi KDYMM Diagihkan kepada Warga KHEU
- 4 Perlantikan Imam Sembahyang Sunat Tarawih di Seluruh Negara

- |     |  |    |
|-----|--|----|
| 4-5 | Rombongan Tadarus KHEU ke Kampong Bang Dalam                 | 12 |
| 7   | Menghalusi Ibadah Sembahyang                                 | 13 |
| 8   | PDI Serahkan Bantuan Harian                                  | 14 |
| 9   | Fathul Barakah 4.0 kepada Muallaf Daerah Tutong              | 15 |
|     | Lebih 400 Infaq Berjaya Dikumpulkan dalam Fathul Barakah 4.0 | 20 |



[www.kheu.gov.bn](http://www.kheu.gov.bn)



[pdi@mora.gov.bn](mailto:pdi@mora.gov.bn)



2383996 smb: 241/242



2384008/2381293

## TADARUS AL-QUR'AN MULA BERGEMA DI SELURUH NEGARA

Oleh : Hazey Suzainah Shaya



PEMBUKAAN Tadarus al-Qur'an dihadiri oleh Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman sebagai tetamu kehormat majlis.

### BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 1 Ramadhan bersamaan 22

**Mac** – Bulan Ramadhan al-Mubarak adalah bulan yang dinanti-nantikan, bulan yang memberi makna besar dalam perjalanan hidup seorang muslim. Ini kerana ia menjanjikan ganjaran pahala yang berlipat ganda kepada setiap amalan yang dilakukan dan padanya terhimpun rahmat serta keampunan daripada Allah Subhanahu wa Ta'alaa. Pintu-pintu syurga dibuka pada bulan Ramadhan dan peluang-peluang mendapatkan kelebihan dan pahala yang berlipat ganda turut dibukakan seluas-luasnya kepada kita sepanjang bulan ini. Semuanya adalah tanda kemurahan rahmat dan kasih sayang Allah Subhanahu wa Ta'alaa juga.

Demikianlah juga pintu-pintu masjid, surau dan balai ibadat adalah salah satu syiar untuk memakmurkan masjid, surau dan balai ibadat di negara ini, dalam suasana masyarakat Islam, tanpa mengira peringkat umur, sama-sama memerdengarkan bacaan al-Qur'an bersama keluarga untuk beriktikaf dan menggandakan amal ibadat serta menyemarakkan bulan Ramadhan dengan mengikuti pelbagai aktiviti keagamaan yang disediakan sepanjang bulan Ramadhan ini. Tadarus al-Qur'an di masjid, surau

dan balai ibadat adalah merupakan salah satu aktiviti ta'mir dibulan Ramadhan yang mendapat sambutan masyarakat Islam di negara ini.

Berikut itu, Majlis Pembukaan Tadarus al-Qur'an bagi Masjid / Surau / Balai Ibadat Seluruh Negara tersebut dikendalikan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Jame' Asr Hassanil Bolkiah, Kampong Kiarong dan Radio Televisyen Brunei.

Acara pada malam tersebut dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis diikuti dengan tazkirah yang disampaikan oleh Yang Mulia Pengiran Ahmad Faris Ramadhan bin Pengiran Haji Sellahuddin, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' Asr Hassanil Bolkiah, Kampong Kiarong. Tadarus al-Qur'an dimulakan dari surah al-Baqarah oleh peserta-peserta yang mengambil bahagian. Bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz, Pegawai Masjid, Jame' Asr Hassanil Bolkiah, Kampong Kiarong.

## Anggota Redaksi



**PENASIHAT:** Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah • **PENOLONG PENASIHAT:** Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman, Pemangku Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah • **KETUA PENERBIT:** Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim, Pemangku Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan • **PENOLONG KETUA PENERBIT:** Hajah Suriyati binti Haji Ahmed, Penolong Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan [Pemasaran] • **PENYELARAS:** Hazey Suzainah Shaya • **KUMPULAN TENAGA KERJA:** Qairunnisa binti Haji Jalil • Hajah Ratna Wati binti Haji Abdul Karim • Mohamad Zelihan bin Ahad • Dahlan bin Chchuha • Rokiah binti Haji Mohamad Serudin • Azizah binti Hidup • Suriati binti Haji Ali Hussin • Dayang Hayatun Syakirah binti Haji Awang Abdul Ghani • **PEREKA BENTUK KONSEP & SUSUN ATUR LETAK:** Mohamad Zelihan bin Ahad • **PEMBAHAGI MAJALAH:** Pg. Md Rafiuddin bin Pg. Hj Badaruddin • Nurul Nabilah binti Masri • **GAMBAR:** Kementerian Hal Ehwal Ugama • Pusat Da'wah Islamiah • Jabatan Penerangan •

Lidah  
Pengarang

## MARHABAN YA RAMADHAN

Bulan Ramadhan merupakan bulan yang penuh kemuliaan dan kerahmatan Islam. Sebelum tibanya bulan suci ini, kita perlu menyemak semula sama ada terdapat puasa ganti (qadha) yang pada tahun sebelumnya masih belum dikerjakan kerana hukum mengganti puasa Ramadhan yang tertinggal adalah wajib. Selain itu, pelbagai persediaan yang boleh kita amalkan antaranya adalah dengan menjaga kesihatan kita dengan baik supaya nanti kita dapat menjalankan ibadah dengan sempurna dan juga melatih diri kita untuk mengerjakan amalan-amalan yang dapat menambah pahala pada bulan puasa seperti bersedekah dan memperbanyak membaca al-Qur'an, berdoa dan berselawat ke atas-Nya.

Apabila dipertemukan dengan bulan Ramadhan, pentingnya untuk kita memanjatkan rasa syukur kepada Allah Subhanahu wa Ta'alaa kerana dengan izin-Nya juga kita masih diberi kesempatan untuk merasakan manisnya beribadat di bulan Ramadhan. Di antara keistimewaan bulan Ramadhan ialah bulan diampunkan segala dosa bagi mereka yang ingin bertaubat, dibukanya pintu-pintu syurga dan ditutup pintu-pintu neraka, dilipatgandakan pahala-pahala ibadah dan terbuka kesempatan untuk meraih lailatul qadar.

Sebagaimana hadits yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad yang maksudnya:

"Telah datang kepada kalian bulan yang penuh berkah, diwajibkan kepada kalian ibadah puasa, dibukakan pintu-pintu syurga dan ditutuplah pintu-pintu neraka serta syaitan-syaitan dibelenggu. Di dalamnya terdapat malam yang lebih baik dari seribu bulan. Barangsiapa yang tidak mendapatkan kebaikannya bererti ia telah benar-benar terhalang atau terjauhkan (dari kebaikan)."

DOA AGAR DIBERI KESABARAN DAN KEKUATAN

رَبَّنَا أَفْرَغْ عَلَيْنَا صَبَرَةً وَثِقَةً أَقْدَمْنَا وَأَنْصَرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكُفَّارِينَ ﴿٥﴾

Ya Tuhan Kami

Doa Rabbana Dalam Al-Quran

### MAFHUMNYA:

"Ya Tuhan kami! Limpahkanlah atas kami kesabaran dan tetapkanlah pendirian kami (untuk menghadapi musuh) dan manangkanlah kami terhadap kaum yang kafir."

Surah al-Baqarah, ayat 250

## SEMARAK HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-39 ANJURAN KHEU

Oleh : Mohamad Zelihan Ahad



**YANG Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama, hadir selaku tetamu kehormat majlis tersebut.**

**BERAKAS, Rabu, 8 Sya'ban bersamaan 1 Mac**

— Sebagai tanda semangat patriotik dan cintakan tanah air Negara Brunei Darussalam serta bagi menzahirkan rasa syukur kepada Allah Subhanahu wa Ta'alā di atas mencapainya 39 tahun kemerdekaan, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah mengadakan Semarak Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39 anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama bertempat di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Semarak Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39 Anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama diadakan bertujuan bagi sama-sama meraikan dan menyemarakkan Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang ke-39 tahun dalam kalangan warga Kementerian Hal Ehwal Ugama serta mengerakkan kerjasama dan integriti warga Kementerian Hal Ehwal Ugama serta jabatan-jabatan dibawahnya.

Majlis turut dihadiri oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato

Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Turut sama-sama hadir ialah Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Yang Mulia Awang Haji Mohd Serudin bin Haji Timbang; Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Acara pada pagi itu dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci al-Qur'an oleh Yang Mulia Awang Mohd Ihtifazhuddin bin Suhaili, Pelajar Skim Tilawah al-Qur'an Remaja (STAR), Jabatan Pengajian Islam dan diikuti dengan nyanyian lagu kebangsaan "Allah Peliharakan Sultan."

Majlis diteruskan dengan ucapan Sekapur Sirih oleh Pengurus Bersama Majlis Semarak Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39 Anjuran Kementerian Hal Ehwal



**UCAPAN Sekapur Sirih oleh Pengarah Pengajian Islam.**

Ugama, Yang Mulia Ustaz Haji Shamshol bin Haji Omar, Pengarah Pengajian Islam.

Acara kemuncak majlis ialah sesi bual bicara bertajuk "Menyusuri Sejarah Tanahair: Episod-Episod Bersignifikan" yang disampaikan oleh Yang Mulia Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, Pengetua Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

Majlis turut dihadiri oleh Yang



**PENGETUA Pusat Sejarah ketika mengongsikan tentang sejarah Negara Brunei Darussalam dalam sesi bual bicara.**

Antara tajuk-tajuk yang disentuh dalam sesi bual bicara tersebut ialah mengenai "Sejarah Pembentukan Perlembagaan", "Penandatanganan Perjanjian Perlembagaan Negeri Brunei", "Cabaran Kemerdekaan" dan beberapa peristiwa-peristiwa penting sehingga Brunei mencapai kemerdekaan penuh pada 1 Januari 1984.

Majlis turut diserikan dengan Persembahan Puisi bertajuk "Merdeka Aman Tenteram" disampaikan oleh



**PERSEMBAHAN Puisi yang disampaikan dengan penuh semangat oleh Yang Mulia Dayang Sinnadatul Bibiana binti Ali.**



**PERSEMBAHAN Kalam Jamaie oleh pelajar-pelajar Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMPRIPAH).**



**BACAAN Selawat Tafrijiyah.**

pelajar turut memetik beberapa rangkap dari Syair Perlembagaan Negeri Brunei, yang antaranya ada menyebutkan tentang kepentingan menuntut ilmu sebagai asas untuk kehidupan rakyat yang sempurna dan kunci kepada kemajuan dan pembangunan negara.

Acara seumpama ini diharapkan akan dapat menyuntik semangat patriotik dan menyemai semangat cintakan tanah air melalui aktiviti-aktiviti kenegaraan serta membangun minda disamping meningkatkan nilai-nilai hidup bermasyarakat, beragama dan bernegara khususnya di kalangan warga Kementerian Hal Ehwal Ugama dan masyarakat amnya.

Majlis dihadiri oleh pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Belia-belia Masjid dan Program Keugamaan Belia, Kementerian Hal Ehwal Ugama, mahasiswa dan mahasiswa Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan para pelajar Institut Tahfiz al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Sekolah-sekolah Arab. ■

## PENERIMAAN SUMBANGAN HASIL KUTIPAN SMS BAGI TABUNG DANA PEMBINAAN MASJID

Oleh : Hajah Ratna Wati Haji Abdul Karim



**PENYERAHAN** Hasil Kutipan SMS bagi Tabung Dana Pembinaan Masjid daripada Datastream Digital Sdn Bhd (DST).



**PENYERAHAN** Hasil Kutipan SMS bagi Tabung Dana Pembinaan Masjid daripada Progresif Sendirian Berhad.



**PENYERAHAN** Hasil Kutipan SMS bagi Tabung Dana Pembinaan Masjid daripada Imagine Sdn Bhd.



**PENYERAHAN** Sumbangan daripada Pegawai dan Kaitangan DST bagi Tabung Dana Pembinaan Masjid.

**BERAKAS, Rabu, 8 Sya'ban bersamaan 1 Mac** – Sambutan dan sumbangan orang ramai terhadap Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam melalui mekanisme kutipan secara Perkhidmatan Pesanan Ringkas atau SMS adalah sangat menggalakkan. Sejak ianya dilancarkan pada tahun 2015 hingga 2022 sebanyak \$1,661,883.00 sumbangan telah berjaya dikumpul melalui mekanisme tersebut.

Sebanyak BND\$469,767.00 telah berjaya dikutip melalui penerimaan sumbangan perkhidmatan pesanan ringkas SMS Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam kali ke-7 yang telah dibuka selama 9 bulan mulai 14 Mac 2022 sehingga 31 Disember 2022.

Sehubungan dengan itu, Majlis Penerimaan Sumbangan Hasil

Kutipan SMS bagi Tabung Dana untuk Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam telah berlangsung.

Hadir dan seterusnya menerima sumbangan hasil kutipan SMS Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam tersebut, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwel Ugama, selaku Penggerusi Jawatankuasa Pengutipan dan Pengeluaran Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Radin Sufri Radin Basiuni, Ketua Pegawai Eksekutif, Datastream Digital Sdn Bhd (DST) menyerahkan sumbangan dari kutipan SMS sebanyak BND\$418,169.00.

Manakala Progresif Sendirian Berhad yang diwakili oleh Dayang Hafiza binti

Mohamad, Ketua Perhubungan Awam dan Komunikasi telah menyerahkan sebanyak BND\$46,598.00.

Sementara Imagine Sendirian Berhad yang diwakili oleh Yang Mulia Tuan Haji Radziman bin Haji Rahman, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Imagine Sdn Bhd telah menyerahkan BND\$5000.00 yang mana setiap jumlah tersebut adalah hasil kutipan yang berjaya dikumpul sepanjang tempoh kutipan dibuka.

Di majlis berkenaan, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwel Ugama, juga telah menerima sumbangan daripada pegawai dan kaitangan Datastream Digital Sendirian Berhad bagi Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam berjumlah BND\$10,000.00 yang disampaikan oleh Yang Mulia Radin Sufri Radin Basiuni, Pegawai Eksekutif Datastream Digital Sendirian Berhad. ■

## PELANTIKAN TAULIAH KEPADA AMIL-AMIL DI SELURUH NEGARA

Oleh : Dahlan Chuchu



**PENYAMPAIAN** Sijil Tauliah Amil bagi Daerah Brunei dan Muara disempurnakan oleh Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwel Ugama selaku Naib Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam.



### BERAKAS, Isnin, 27 Sya'ban bersamaan 20 Mac

Seramai 362 orang amil telah dilantik bagi 142 kawasan tempat mengutip zakat di seluruh negara iaitu Daerah Brunei dan Muara seramai 201 orang amil bagi 80 kawasan, di Daerah Belait seramai 24 orang amil bagi 15 kawasan, di Daerah Tutong seramai 58 orang amil bagi 30 kawasan dan di Daerah Temburong seramai 26 orang amil bagi 13 kawasan.

Manakala seramai 53 orang amil terdiri daripada pegawai dan kaitangan Jabatan Majlis Ugama Islam telah dilantik untuk mengutip zakat di keempat-empat daerah.

Sehubungan dengan itu, Majlis Ugama Islam telah mengadakan Majlis Penyampaian Sijil Tauliah Amil kepada amil-amil yang dilantik seluruh negara bagi tahun 1444/1445 Hijrah bersamaan 2023/2024 Masihi yang diadakan secara serentak di keempat-empat daerah.

Bagi Daerah Brunei Muara, majlis diadakan di Masjid Suri Seri Begawan Raja Isteri Pengiran Anak Damit

Kampong Manggis, Madang. Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan Sijil Tauliah Amil ialah Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwel Ugama selaku Naib Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam.

Dalam ucapan alu-aluan semasa majlis, Yang Mulia Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Akop, Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei menjelaskan bahawa selepas Majlis Penyerahan Tauliah berlangsung akan diadakan sesi taklimat mengenai tatacara merekodkan dan melaporkan penyata hasil kutipan Zakat Fitrah

dengan menggunakan program yang disediakan. Kaedah ini in sya Allah akan dapat membantu mempermudahkan dan mempercepatkan lagi tugas-tugas para amil dalam menyediakan laporan kutipan hasil Zakat Fitrah di samping dapat mengurangkan kesilapan perkiraan jumlah hasil kutipan zakat.

Sejak berkuatkuasanya Peraturan Zakat dan Fitrah 1969, Majlis Ugama

Islam Brunei telah melantik amil-amil yang terdiri daripada pegawai-pegawai masjid, imam-imam, bilabil, ketua-ketua kampong, guru-guru ugama, pegawai-pegawai beruniform daripada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, Pegawai Bomba dan Penyelamat serta kaitangan kerajaan yang bersesuaian.

Orang ramai juga akan dapat menggunakan pembayaran Zakat Fitrah secara atas talian 'online'. Perkhidmatan berkenaan akan dapat digunakan mulai 1 Ramadhan sehingga 28 Ramadhan 1444 Hijrah. ■



**YANG** Mulia Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Akop semasa membuat ucapan.

## KURMA KURNIA PERIBADI KDYMM DIAGIHKAN KEPADA WARGA KHEU

Oleh : Qairunnisa Haji Jalil



**PENYERAHAN Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada Timbalan Menteri, Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, Ketua-Ketua Jabatan/Bahagian/Unit di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi tahun 1444H/2023M.**

### BERAKAS, Isnin, 27 Sya'ban bersamaan 20 Mac

Majlis Penyerahan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada Ketua-ketua Jabatan / Bahagian / Unit di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama; Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama; Yang Mulia Awang Haji Mohd Serudin bin Haji Timbang.

Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman,



Terdahulu majlis dimulakan dengan bacaan surah al-Fatiha dan diikuti dengan Majlis Penyerahan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. ■

## PELANTIKAN IMAM SEMBAHYANG SUNAT TARAWIH DI SELURUH NEGARA

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin



**YANG Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama semasa menyerahkan surat lantikan kepada imam Tarawih.**

### KIARONG, Selasa, 21 Sya'ban bersamaan 14 Mac

Dalam usaha memperbanyakkan amal ibadah di bulan Ramadhan, khususnya mengerjakan sembahyang sunat Tarawih berjemaah di masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid dengan kerjasama Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah mengadakan Majlis Penyampaian Surat Lantikan Imam Sembahyang Sunat Tarawih bagi tahun 1444H / 2023M. Majlis berlangsung di Jame' Asr Hassanal Bolkiah, Kampong Kiarong.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan surat lantikan imam Sembahyang Sunat Tarawih di majlis tersebut ialah Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Seramai 180 orang dilantik bagi mengimamkan sembahyang sunat Tarawih terdiri daripada 28 orang pegawai masjid, 22 orang tenaga

pengajar, 130 dari kalangan pelajar dan lepasan pelajar Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah sama ada yang sedang berkhidmat dengan kerajaan atau yang sedang menyambung pengajaran di peringkat tinggi di dalam dan luar negara. Para imam yang dilantik akan ditempatkan di 77 buah masjid di seluruh negara.

Antara objektif penempatan imam Tarawih dari kalangan pelajar dan lepasan pelajar Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah adalah untuk membolehkan mereka mengulangi dan memantapkan hafazan di samping menimba pengalaman bertugas sebagai seorang imam.

Dengan penglibatan mereka sebagai imam di masjid yang telah diaturkan, *in sya Allah* diharap dapat menarik lebih ramai jemaah untuk menghadiri sembahyang sunat Tarawih dan sebagai salah satu langkah untuk anak-anak tempatan khususnya



para belia dalam mentakmir dan mengimarahkan lagi masjid di bulan Ramadhan yang akan datang ini.

Para imam yang baru dilantik akan diberikan taklimat secara teori dan praktikal tentang *aqwal wa af'aal* sembahyang Tarawih untuk memberikan kefahaman tentang *kaifiyat* mengimam yang betul termasuk bacaan, thuma'ninah, pergerakan dalam sembahyang agar tidak terlalu cepat dan yang berkaitan dengannya. ■

## MENDIRIKAN TIANG MASJID BAHARU RPN KAMPONG LUMUT

Oleh : Hazey Suzainah Shaya



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan berangkat hadir ke Majlis Mendirikan Tiang Masjid Baharu.**

**BELAIT, Rabu, 29 Sya'ban bersamaan 22 Mac** – Penduduk Rancangan Perumahan Negara Kampong Lumut, Daerah Belait dan sekitarnya akan mempunyai sebuah bangunan masjid baharu yang dibina di atas sebidang tanah berkeluasan 5.3 ekar.

Sehubungan itu, Majlis Mendirikan Tiang Masjid Baharu berkenaan telah pun diadakan. Hadir selaku tetamu kehormat bersama pada majlis tersebut ialah Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, Menteri Pembangunan dan diikuti oleh para jemputan khas yang hadir.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah al-Fatiha, diikuti dengan laungan azan dan bacaan zikir mendirikan tiang masjid baharu secara beramai-ramai dipimpin oleh Yang Mulia Awang Abdul Qayyum bin Haji Aminuddin, Pegawai Hal Ehwal Masjid.



**PELAN Projek Pembinaan masjid Rancangan Perumahan Negara Kampong Lumut, Daerah Belait.**

Majlis diteruskan dengan acara menuang simen yang didahului oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, Menteri Pembangunan dan diikuti oleh para jemputan khas yang hadir.

Seterusnya, doa selamat dibacakan oleh Yang Mulia Awang Abdul Qayyum bin Haji Aminuddin,

Pegawai Hal Ehwal Masjid. Di penghujung majlis, tetamu kehormat bersama serta para jemputan yang hadir melihat dengan lebih dekat ciri-ciri bangunan masjid baharu tersebut yang dipamerkan.

Bangunan masjid baharu yang dijangka siap pembinaannya pada bulan Januari 2024 ini menggunakan peruntukan di bawah Rancangan Kemajuan Negara dengan anggaran berjumlah BND\$ 4.7 juta.

Keseluruhan kapasiti masjid baharu Rancangan Perumahan Negara ini



**TETAMU kehormat Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan menyempurnakan acara menuang simen.**

boleh menampung seramai lebih kurang 2,045 orang jemaah. Di antara kemudahan yang disediakan di masjid ini adalah dewan sembahyang utama lelaki, dewan sembahyang perempuan, bilik kuliah, bilik perpustakaan, bilik p.a. sistem, pejabat imam dan bilal, tandas dan tempat berwudhu lelaki, tandas dan tempat berwudhu perempuan, tandas orang berkeperluan khas lelaki, tandas orang berkeperluan khas perempuan, bilik pengurusan jenazah, bilik stor, dapur dan tempat letak kereta orang awam serta tempat kereta orang berkeperluan khas. ■



**PENUANGAN simen diteruskan oleh para jemputan khas yang hadir.**



**BERGAMBAR ramai bersama tetamu kehormat majlis.**

## ROMBONGAN TADARUS KHEU KE KAMPONG BANG DALAM

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



**ANTARA** yang hadir semasa majlis berkenaan ialah Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama selaku tetamu kehormat majlis.

### TUTONG, Sabtu, 3 Ramadhan bersamaan 25 Mac

Bulan Ramadhan al-Mubarak adalah bulan yang dinantikan, bulan yang memberi makna besar dalam perjalanan hidup seorang muslim. Ini kerana ia menjanjikan ganjaran pahala yang berlipat ganda kepada setiap amalan yang dilakukan dan padanya terhimpun rahmat serta keampunan daripada Allah Subhanahu wa Ta'alaa. Pintu-pintu syurga dibuka pada bulan Ramadhan dan peluang-peluang mendapatkan kelebihan dan pahala yang berlipat ganda turut dibukakan seluas-luasnya kepada kita sepanjang bulan ini.

Bersamaan dengan bulan Ramadhan yang penuh keberkatan ini, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah mengaturkan rombongan pegawai dan kakitangan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk sama-sama bertadarus di Masjid Kampong Bang Dalam, Daerah Tutong. Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Turut hadir, Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian

Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Yang Mulia Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri, Pemangku Pegawai Daerah Tutong.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah dipimpin oleh Yang Mulia tetamu kehormat majlis dan diikuti dengan Tadabbur al-Qur'an oleh Yang Mulia Awang Haji Muskrisman Safari bin Haji Mustafa, Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah.



**HAJI Amirol Hafidzin dan Awang Mohamad Aliyani bersama ahli-ahli rombongan yang lain ketika majlis berkenaan.**

Acara diteruskan dengan Tadarus al-Qur'an, diikuti dengan bacaan Tahlil dan Doa Arwah dan kemudiannya bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Antara lain tujuan majlis ini diadakan adalah sebagai salah satu syiar untuk memakmurkan masjid di samping mengeratkan silaturahim antara pegawai dan kakitangan jabatan-jabatan kerajaan dengan jemaah masjid dan penduduk kampung dan juga bagi sama-sama meningkatkan amal ibadat pada bulan Ramadhan. ■

## MENGHALUSI IBADAH SEMBAHYANG

Oleh : Azizah Hidup



**PROGRAM Menghalusi Ibadah Sembahyang bagi muallaf sempena Sambutan Isra' dan Mi'raj di keempat-empat daerah.**

### BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Sya'ban bersamaan 11 Mac

Pusat Da'wah Islamiah melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyah Muallaf) dengan kerjasama Unit-unit Da'wah Daerah Belait, Tutong dan Temburong telah mengadakan Program Menghalusi Ibadah Sembahyang bagi muallaf bersempena Sambutan Isra' dan Mi'raj 1444H yang diadakan secara serentak di keempat-empat daerah.



Di Daerah Brunei dan Muara, program diadakan di Dewan Persidangan, Pusat Da'wah Islamiah dan di Daerah Tutong bertempat di Masjid Kampong Bang Dalam. Manakala Daerah Belait, program dikendalikan di Dewan Serbaguna, Pejabat Unit Da'wah Daerah Belait dan bagi Daerah Temburong program diadakan di Balai Ibadat Kampong Sibut.

Bagi Daerah Brunei dan Muara, seramai 43 orang peserta telah menyertai program tersebut dan di Daerah Tutong seramai 51 orang peserta. Manakala Daerah Belait, seramai 34 orang peserta dan bagi Daerah Temburong adalah seramai 36 orang peserta.

Tujuan program ini dilaksanakan adalah sebagai usaha memperkasa para muallaf khususnya agar memiliki mutu ibadat sembahyang yang berkualiti dengan didasari kekentalan iman di samping nilai kompetensi yang tinggi untuk mendepani cabaran dalam memajukan kehidupan duniawi dan ukhrawi. Selain itu, program merupakan sebagai indikator

persiapan dan persediaan para muallaf untuk menyambut ketibaan bulan Ramadhan.

Program juga bertujuan untuk menghalusi lagi dan sebagai ulangkaji bagi muallaf tentang cara melaksanakan semua perbuatan serta bacaan dalam wudhu dan sembahyang dengan betul dan sempurna serta menanamkan sikap tanggungjawab untuk melaksanakan sembahyang fardhu yang merupakan ibadah wajib dalam kehidupan seharian.

Selain taklimat mengenai kepentingan kesempurnaan sembahyang, pengisian program termasuk memberikan bimbingan kepada para muallaf mengenai tatacara wudhu menggunakan botol penyembur air dan pergerakan sembahyang secara teori dan praktikal.

Adalah diharapkan melalui program yang diungkapkan, para muallaf akan terus istiqamah dalam melaksanakan amal ibadah dengan sempurna demi mendapat keredhaan dan rahmat Allah Subhanahu wa Ta'alaa. ■

## PDI SERAHKAN BANTUAN HARIAN

Oleh : Hajah Ratna Wati Haji Abdul Karim



SALAH seorang penerima Fathul Barakah 4.0 daripada tetamu kehormat majlis.

### BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Sya'ban bersamaan 16 Mac

Secara keseluruhan, lebih daripada 400 infaq telah berjaya dikumpul melalui projek Fathul Barakah 4.0 yang diungkayahkan oleh Pusat Da'wah Islamiah dan persatuan-persatuan muallaf seluruh negara yang telah diadakan secara serentak di keempat-empat daerah iaitu di Pusat Da'wah Islamiah Kampong Pulaie, Pejabat Unit Da'wah Daerah Tutong, Pejabat Unit Da'wah Daerah Belait dan Pejabat Unit Da'wah Daerah Temburong secara pandu lalu pada 25 dan 26 Februari 2023 lalu.



PENYERAHAN bantuan harian Projek Fathul Barakah 4.0.

Ketua Bahagian Sumber Manusia, Perancangan Penyelidikan, Pusat Da'wah Islamiah, Yang Mulia Dr Hajah Rohanita binti Haji Yaakub, Pemangku Ketua Bahagian Pembangunan Muallaf, Pusat Da'wah Islamiah dan Yang Mulia Awang Haji Mohd Hazwan bin Abdullah, Yang Dipertua Persatuan Nurul Islam.

Sumbangan dan bantuan yang disampaikan adalah untuk menampung keperluan harian dan sebagai satu da'wah berkesan bagi memeduli dan memantau dari segi aspek perkembangan kehidupan serta kebajikan asnaf fakir miskin khususnya di kalangan muallaf seperti keperluan asasi mahupun bantuan lainnya agar terus dapat melaksanakan ibadah dengan lebih sempurna, di samping aspek penglibatan bimbingan dan penghayatan agama Islam khusus bagi muallaf di negara ini.

Antara lain tujuan Projek Fathul Barakah 4.0 adalah untuk mengeratkan hubungan ukhuwah antara muallaf dengan Pusat Da'wah Islamiah dalam sama-sama mengungkayahkan kerja-kerja berkebajikan untuk kesejahteraan muallaf khususnya di Negara Brunei Darussalam. ■

Turut menyertai rombongan, Yang Mulia Ruslan bin Haji Sulaiman,



## FATHUL BARAKAH 4.0 KEPADA MUALLAF DAERAH TUTONG

Oleh : Dahlan Chuchu



PEMANGKU Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong, Awang Hamdani bin Haji Othman selaku ketua rombongan menyerahkan bantuan kepada salah seorang penerima.

### TUTONG, Isnin, 20 Sya'ban bersamaan 13 Mac

- Pusat Da'wah Islamiah dengan kerjasama Persatuan Muallaf Seluruh Negara meneruskan lagi penyerahan bantuan berupa makanan asasi menerusi Projek Fathul Barakah 4.0 kepada 14 buah keluarga muallaf di Kampong Batang Mitus, Daerah Tutong. Penyerahan sumbangan ini dilaksanakan dengan

mengunjungi rumah-rumah para penerima.

Hadir selaku ketua rombongan dan berkesudian untuk menyempurnakan penyerahan sumbangan ialah Yang Mulia Awang Hamdani bin Haji Othman, Pemangku Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong.

Turut hadir, Yang Mulia Awang Suhaili bin Alas, Pemangku Ketua Kampung Batang Mitus dan Yang Mulia Dayang Hajah Rohaidah Anizah binti Muhd Kamsani, Setiausaha Persatuan Saudara-saudara Baru Daerah Tutong (PESATU).

Penyerahan sumbangan dikendalikan oleh Bahagian Pembangunan Muallaf (Kebajikan Muallaf) dengan kerjasama Unit Da'wah Daerah Tutong dan Persatuan Saudara-saudara Baru Daerah Tutong (PESATU).

Projek Fathul Barakah 4.0 adalah usaha dan inisiatif Pusat Da'wah Islamiah dengan kerjasama Persatuan Muallaf Seluruh Negara untuk memberi peluang kepada orang ramai dalam sama-sama memberikan infaq jariah berupa keperluan asasi untuk disumbangkan kepada asnaf muallaf yang memerlukan sebelum tibanya bulan Ramadhan 1444 Hijrah agar para muallaf dapat melaksanakan ibadah puasa dengan selesa dan sempurna. ■



MEMBACA doa selamat sebelum rombongan memulakan penyerahan bantuan Projek Fathul Barakah 4.0 kepada empat belas 14 buah keluarga muallaf di Kampong Batang Mitus, Daerah Tutong.



## Majlis Pengislaman MAC 2023





### Surah Aali-'Imraan ayat 90



## STATISTIK PENGISLAMAN


Keramaian Orang yang Memeluk Ugama Islam di Seluruh Negara bagi tahun 2023



Brunei Muara

# Dewasa: Berumur 14 Tahun 7 bulan ke atas.  
Kanak-kanak: Berumur 14 Tahun 7 bulan ke bawah.

## Features



Sharifah Khadijah  
Hussein Alkaff

### WORK-RELATED CHALLENGES

In many societies today, a woman is only valued and considered important if she performs the functions of a man. While these women may carry the immense responsibility of bearing and rearing children, many still manage to be at par with men, if not better than them, in nearly every area of life, some even suffering emotional and physical problems as they attempt to compete in a male-dominated world. This has been partially responsible for the present-day sex role confusion resulting in dysfunctional and broken families and emotionally distraught children.

In Islam, however, the value and importance of women in society and the degree of their success as human beings are measured with completely different criteria: their fear of Allah *Subhanahu wa Ta'alaa* and obedience to Him, and their fulfillment of the duties He has entrusted them with, particularly that of bearing, rearing and teaching children. Nevertheless, Islam is a practical religion. It responds to human needs and life situations and

thus does not prohibit women working outside the home but it does stipulate certain conditions and restrictions, meant to safeguard the dignity and honour of women and the purity and stability of the Islamic society.

### CONDITIONS SET BY ISLAM

Some of these conditions are:

- Outside employment should not come before, or seriously interfere with her responsibilities as wife and mother.
- Her work should not be a source of friction within the family, and the husband's consent is required in order to eliminate later disagreements. If she is not married, she must have her guardian's consent.
- Her manner and tone of speech and overall behavior should follow Islamic guidelines. These include: lowering her gaze and restraining her glances in relation to men, not walking, talking and behaving in a provocative manner, and not using make-up or perfume in public.
- Her job should not be one which causes moral corruption in society, or involve any prohibited trade or activity, affect her own religion, morals, dignity and good behavior, or subject her to temptations.
- Her job should not be one which involves unnecessary and inappropriate mixing and associating with men and always being in close proximity with them.
- A woman should try to seek employment that relates to the needs and skills of women and children, such as teaching, nursing other women, midwifery, etc.
- Her dressing must be modest and covering the aurat, as stipulated in the Qur'an. Some people think Islamic dressing is oppressive and backward. When she was asked about her hijab and how it is not proportionate with her level of intellect and education, the 2011 Nobel Peace Prize Winner, Tawakkul Karman from Yemen replied: *Man in early times was almost naked, and as his intellect evolved he started wearing clothes. What I am today and what I'm wearing represents the highest level of thought and civilization that man has achieved. It is not regressive. It's the removal of clothes again that is a regression back to the ancient times.*

In advising his daughter to dress modestly, Muhammad Ali, the World Champion Boxer, once said: "Everything Allah made valuable in the world is covered and hard to get. Where do you find diamonds? Deep down in the ground, covered and protected...pearls? – deep down at the bottom of the ocean, covered and protected in a beautiful shell. You are far more precious than diamonds and pearls, you should be covered too..."

Apart from having to meet the above criteria, a working Muslimah also has to balance the demands of her work and her duties and responsibilities at home. Although there are some laws to help women in reconciling between the requirements of work and family, such as paid maternity leave, this is usually at the cost of work.

Holding on a job also poses a number of challenges for Muslim women who are in a day-to-day struggle to please Allah *Subhanahu wa Ta'alaa* because we are exposed to many temptations outside the home. Muslim women must constantly guard against pressures to engage in social norms that contradict the Islamic way of life. Muslim women who work experience a great test in their faith. There are many struggles in today's work environment that make it very hard to balance Islamic principles and practices with those of some office work culture, especially in a non-Muslim organisation.



# Qiamullail

## AMALAN-AMALAN

Sembahyang sunat

- Wudhu'
- Tahajjud
- Taubat
- Hajat
- Tasbih
- Witir

Membaca Al-Qur'an  
Berzikir  
Beristighfar  
Berdoa  
dan sebagainya.

## WAKTU MENGERJAKANNYA

Isya' sehingga sebelum masuk waktu Subuh.

Digalakkan untuk tidur dahulu walaupun seketika.

Adapun waktu yang paling utama ialah seperti malam.

## HIKMAH

Meningkatkan keimanan

Beribadat dengan lebih khusyu'

Melatih diri memperbaikkan amalan sunat

Memberi ketenangan jiwa

Dimakbulkan doanya



## PETIKAN TITAH

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN  
HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN  
WADDAULAH

IBNI AL-MARHUM SULTAN  
HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN  
SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,  
SULTAN DANYANG DI-PERTUAN NEGARA  
BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA  
SEMPENA MENYAMBUT AWAL BULAN  
RAMADHAN BAGI TAHUN 1444H/2023M

## 'RAMADHAN KURNIA ISTIMEWA'

"Alhamdulillah, kita di negara ini mempunyai peluang amat luas untuk merebut fadhilat Ramadhan. Dengan keadaan negara aman dan ekonomi mantap, akan membolehkan kita untuk menghayati Ramadhan dengan lebih selesa."

Ini adalah kurnia istimewa kepada kita dan negara, berbanding di setengah-setengah tempat di dunia, mereka bergelut dengan pelbagai musibah, seperti perang, gempa bumi, banjir besar yang menjadikan harta benda dan nyawa.

Bayangkan bagaimana umat Islam berpuasa sambil menghadapi kemelut perang, musibah gempa dan banjir besar. Kita, Cuma mampu membayangkannya sahaja sambil bersympati dan berdo'a untuk mereka..."

## | Program Keugamaan Belia |

### PROGRAM LAWATAN MASJID

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 12 Sya'ban bersamaan 5 Mac – Belia Muallaf as-Syahadah dengan kerjasama Urus Setia Program Keugamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah telah mengadakan Program Lawatan Masjid 1444H / 2023M bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke-39 bertempat di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.



URUS Setia Program Keugamaan Belia memberi taklimat kepada pengunjung yang menyertai program tersebut.

Perasmian program dirasmikan oleh Yang Mulia Dr. Haji Adanan bin Haji Basar, Ra'es Kolej Perguruan Ugama Seri Begawan dengan bacaan surah al-Fatihah dan Selawat.

Turut hadir ialah Yang Mulia Ustaz Haji Abd Rajid bin Haji Mohd Salleh, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah. Program ini diadakan antara lain bertujuan untuk memantapkan dakwah serta menzahirkan corak kehidupan masyarakat Islam di Negara Brunei Darussalam terutama kepada golongan masyarakat non-muslim dan memberi peluang kepada mereka yang menyertai program untuk melihat keindahan seni bina masjid secara dekat serta sejarahnya. Di samping itu, untuk menyuntik semangat

para belia supaya berani tampil bagi menyampaikan maklumat-maklumat mengenai masjid secara menarik dan tepat, memperkenalkan agama Islam dan menceritakan sendiri akan keindahan seni bina masjid yang terdapat di negara ini. Program seumpama ini merupakan peluang kepada jurupandu untuk beramah mesra dengan para pengunjung yang berlatar belakangkan dari pelbagai negara, bangsa dan agama. Lanya juga memberi peluang kepada pelancong untuk bertanya soalan berkenaan

masjid dan apa-apa yang berkaitan serta membentulkan kesalahfahaman yang mungkin timbul.

Jurupandu bagi program tersebut terdiri daripada belia-belia di bawah Program Keugamaan Belia khususnya Kumpulan Belia as-Syahadah dan para peserta dari bengkel kesedaran melalui Program Lawatan Masjid yang lalu. ■



'Aqil Multazim

عاقل ملتزم

Yang Bijak, Berakal / Komited,  
Bersungguh-Sungguh

Adzhan Mifthal

أذهن مفضال

Yang Sangat Cerdik / Yang  
Banyak Kelebihan

Aqwa Maula

أقوى مولى

Yang Lebih Kuat, Gagah /  
Pelindung, Penyokong

## NAMA-NAMA ISLAMI untuk anak damit



أسماء البنات

NAMA ANAK  
BINI-BINI

Qayyimah Shafiah

قيمة صافية

Penjaga, Yang Lurus /  
Yang Suci

Qaisharah Sakhiyyah

قصرة سخية

Permaisuri / Yang Mulia,  
Bermurah Hati

Qudwati Samiah

قدوتي سامية

Ikutanku,  
Contoh Teladanku /  
Yang Tinggi Akhlaknya

Allah Subhanahu wa Ta'alaa  
berfirman yang mafhumnya:

"Panggillah anak-anak angkat itu (dengan berbinkan) kepada bapa-bapa mereka sendiri, itu yang lebih adil di sisi Allah..."

(Surah al-Ahzab ayat 5)

## LEBIH 400 INFAQ BERJAYA DIKUMPULKAN DALAM FATHUL BARAKAH 4.0

Oleh : Hazey Suzainah Shaya



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menyerahkan sumbangan kepada para muallaf.**

**PULAIIE, Selasa, 14 Sya'ban bersamaan 7 Mac** – Pusat Da'wah Islamiah melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Kebajikan Muallaf) dengan kerjasama Persatuan Muallaf seluruh negara mengungkayahkan Projek Fathul Barakah 4.0 bagi memberi peluang kepada orang ramai untuk sama-sama memberi infaq berupa makanan asasi untuk keperluan muallaf yang memerlukan.

Lebih 400 infaq telah berjaya dikumpul melalui projek berkenaan yang diadakan secara serentak di keempat-empat daerah iaitu di Pusat Da'wah Islamiah, Kampong Pulaie, Pejabat Unit Da'wah Daerah Tutong, Pejabat Unit Da'wah Daerah Belait dan Pejabat Unit Da'wah Daerah Temburong secara pandu lalu pada 25 dan 26 Februari 2023 lalu.

Sehubungan dengan itu, seramai 40 buah keluarga muallaf dari seluruh negara telah menerima sumbangan

tersebut bertempat di Dewan Persidangan, Pusat Da'wah Islamiah, Kampong Pulaie.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya berkesudian menyempurnakan penyerahan sumbangan kepada para muallaf ialah Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama.

Majlis dimulakan dengan bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Fatihah oleh Yang Mulia Awang Muhammad Fuad bin Matahir, Penolong Pegawai Perkembangan Ugama. Diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Mulia Ustaz Haji Abd Rajid bin Haji Mohd Salleh, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah. Acara kemudiannya diteruskan dengan penyampaian sumbangan kepada para muallaf.

Projek Fathul Barakah 4.0 diadakan bertujuan untuk menampung keperluan harian asnaf muallaf dan sebagai satu *da'wah bil mal* yang berkesan dalam memeduli dan memantau dari segi aspek perkembangan kehidupan serta kebajikan mereka, agar terus dapat melaksanakan ibadah dengan lebih sempurna. Di samping memantau dari aspek penghayatan agama Islam khusus bagi para muallaf di negara ini, ianya juga bertujuan untuk mengeratkan hubungan ukhuwah terutama di kalangan persatuan-persatuan muallaf seluruh negara dengan Pusat Da'wah Islamiah dalam sama-sama mengungkayahkan kerja-kerja berkebajikan demi kesejahteraan para muallaf di Negara Brunei Darussalam.

Penyerahan infaq juga diteruskan lagi oleh Pusat Da'wah Islamiah dan Unit Da'wah Daerah masing-masing dengan berkunjung ke rumah-rumah para muallaf yang terpilih. ■